



KUNJUNGAN: Rombongan NDRC UMS merakam gambar kenangan ketika melawat pejabat Meteorologi Kota Kinabalu, baru-baru ini.

UMS–MET Malaysia perkasa hubungan kerjasama UB 17.08.2024 P.02

KOTA KINABALU: Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan rasmi ke Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) Cawangan Sabah bagi memperkasa hubungan kerjasama kedua-dua pihak, baru-baru ini.

Pengarah NDRC, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn M. Payus, berkata lawatan bertujuan memberi peluang kepada NDRC melihat proses pemantauan dan operasi sistem gempa bumi dan amaran tsunami (SEISCOMP5) di jabatan itu.

NDRC mengadakan lawatan rasmi ke MET Sabah dan Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Bumi Sabah (POCGS) bersama-sama pelajar latihan industri dan penyelidik NDRC.

Beliau berkata lawatan memberi pendedahan kepada pelajar dan penyelidik mengenai bidang sains atmosfera, klimatologi dan penyelidikan berkaitan bencana alam seperti

gempa bumi, tsunami, banjir, ribut taufan serta kemarau.

“Kami juga berpeluang mengetahui lebih lanjut mengenai peranan dan fungsi MET Malaysia, kemudahan penceraian data meteorologi serta pemantauan cuaca yang lain yang terdapat di jabatan ini,” katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Carolyn berkata lawatan rasmi itu juga bertujuan memperkukuh kerjasama sedia ada di antara NDRC dan MET Malaysia melalui penyelidikan berkaitan bencana alam.

Ia boleh dibuat melalui penggunaan sistem SEISCOMP3 yang ditempatkan di makmal NDRC oleh MET Malaysia.

Turut hadir Timbalan Pengarah I, POCGS/Felo Penyelidik Bersekutu NDRC, Dr. Chai Mui Fatt; Ketua Stesen Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu, Hamiji Lariuh; Penolong Pegawai Meteorologi POCGS, Isaac Yubih serta Pegawai Penyelidik NDRC, Eldawaty Madran.